



DASAR QAWWAMAH PERKUKUH PERANAN BAPA SEBAGAI PELINDUNG KELUARGA – MB KELANTAN

ISSN 1311-6891 | ZULHIJJAH 1446H | 15-19 JUN 2025

Buletin DARULNAIM

KELANTAN SASAR TUBUH KOMUNITI PETANI NANAS BERSKALA BESAR – EXCO PERTANIAN

LRA BUKIT CHUPAK SIAP AWAL TAHUN DEPAN

THAILAND – MALAYSIA PERCEPAT PEMULIHAN LANDASAN KERETA API SUNGAI GOLOK – RANTAU PANJANG

PROJEK LAND FILL MINING KOMERSIL PERTAMA MALAYSIA DILAKSANAKAN DI KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 18 Jun – Kelantan mencipta sejarah sebagai negeri pertama di Malaysia melaksanakan Projek Land Fill Mining (LFM) secara komersil, sekali gus meletakkan negeri ini di hadapan dalam usaha pengurusan sisa pepejal berdasarkan teknologi mampan dan ekonomi kitaran.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah memaklumkan bahawa projek tersebut sedang dilaksanakan oleh Perbadanan Sisa Pepejal Mubaarak (PSPM) di tiga lokasi utama iaitu Tapak Pelupusan Beris Lalang (Bachok), Kok Bedolah (Tumpat) dan Bukit Che Ros (Tanah Merah).

Katanya, PSPM merupakan syarikat usahasama strategik antara Kumpulan Utilities Mubaarakan Holdings (KUM) selaku anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan Greenviro Solutions Sdn Bhd.

“Ketiga-tiga tapak pelupusan ini telah berjaya ditransformasi daripada ‘open dumping site’ kepada ‘sanitary land fill’ dan kini Beris Lalang muncul sebagai lokasi pelaksanaan pertama Land Fill Mining komersil di negara ini yang digabungkan dengan teknologi Bio-Drying,” katanya dalam sidang media selepas Mesyuarat Exco di Mabna, hari ini.

Menurut beliau, kaedah LFM membabitkan proses melombong semula sisa pepejal lama (legacy



waste) yang telah dilupuskan sejak puluhan tahun lalu, bagi membolehkan pemulihan tanah tapak pelupusan secara menyeluruh.

Sisa-sisa yang dikorek akan diproses menggunakan sistem Material Recovery Facility (MRF) untuk pengasingan bahan seperti plastik, logam, kaca dan bahan organik, seterusnya menghasilkan baja kompos serta Refuse Derived Fuel (RDF) sebagai bahan api alternatif.

YB Hilmi menjelaskan, penggunaan kaedah Bio-Drying ke atas sisa sebelum disaring melalui MRF bukan sahaja mengurangkan bau dan menyahaktif patogen, tetapi juga mempercepatkan proses pengeringan dan penstabilan bahan organik untuk menghasilkan kompos yang selamat, bersih dan bernilai pasaran.

“Projek ini bukan hanya soal pengurusan sisa, tetapi satu pelaburan strategik untuk kelestarian alam sekitar, peningkatan sektor pertanian negeri dan jangka hayat ekonomi Kelantan dalam jangka masa panjang,”

Kelantan dalam jangka masa panjang,” katanya yang turut merasmikan projek tersebut di Beris Lalang, semalam.

Pengarah Urusan Dwitekno Mohd Fadzil Zamrod juga menyatakan bahawa tumpuan utama projek ini adalah kepada pemulihan empat komponen sisa utama iaitu bahan organik untuk penghasilan kompos, plastik lembut pakai buang, plastik keras bernali dan logam untuk dikitar semula.

“Setakat ini, kapasiti pemprosesan harian berada pada tahap 50 tan dan disasarkan meningkat kepada 500 tan sehari dalam tempoh empat tahun. Sekurang-kurangnya 30 peratus daripadanya akan menghasilkan kompos, manakala 20 peratus lagi terdiri daripada bahan kitar semula bernali,” ujarnya dalam sidang media selepas perasmian majlis pada Selasa.

Beliau turut menjelaskan bahawa dua teknologi utama diterapkan dalam projek ini ialah penghasilan

“

Projek ini bukan hanya soal pengurusan sisa, tetapi satu pelaburan strategik untuk kelestarian alam sekitar, peningkatan sektor pertanian negeri dan jangka hayat ekonomi Kelantan dalam jangka masa panjang,”

bahan api daripada sisa (Refuse Derived Fuel - RDF) untuk kegunaan industry dan sistem pirolisis yang menukar plastik sukar dikitar semula kepada diesel industri.

Tambah Mohd Fadzil, timbunan sisa pepejal di Beris Lalang mencapai ketinggian sehingga 30 meter dan dijangka memerlukan sekurang-kurangnya 15 tahun untuk diproses sepenuhnya mengikut pendekatan LFM ini.

YB Hilmi menyifatkan kejayaan pelaksanaan projek ini sebagai lonjakan besar ke arah pengurusan sisa berasaskan ekonomi kitaran, seiring dengan hasrat Dasar Kelestarian Alam Sekitar Negeri Kelantan, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan gagasan Kelantanku Bersih, Kelantan Hijau.

“Inisiatif ini bukan sahaja mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan konvensional, malah membuka peluang baharu dalam bidang ekonomi hijau yang lestari dan inklusif,” katanya.



DASAR QAWWAMAH PERKUKUH PERANAN BAPA SEBAGAI PELINDUNG KELUARGA – MB KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 15 Jun – Sempena sambutan Hari Bapa tahun ini, Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan komitmennya untuk terus memperkuuh institusi keluarga melalui pelaksanaan Dasar Qawwamah Lelaki Kelantan yang memartabatkan peranan lelaki sebagai pelindung, pembimbing dan tonggak keluarga berlandaskan prinsip Islam.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, dasar tersebut lahir daripada kesedaran kerajaan negeri terhadap tanggungjawab besar yang digalas oleh seorang lelaki, khususnya sebagai suami dan bapa dalam membina keluarga yang sejahtera.

“Bapa adalah insan yang sering menyembunyikan keletihan di balik senyuman. Dalam diam, mereka memikul beban dan tanggungjawab demi memastikan keluarga hidup

dalam kasih sayang dan kecukupan. Justeru itu, Kerajaan Negeri memperkenalkan Dasar Qawwamah Lelaki Kelantan bagi membentuk lelaki yang qawwam – bertanggungjawab, berwibawa serta melindungi keluarga bukan sekadar dari sudut zahir, tetapi juga spiritual dan emosi,” katanya dalam kenyataan sempena Hari Bapa, hari ini.

Beliau menjelaskan, dasar tersebut memberi penekanan kepada pembangunan sahsiah lelaki melalui pendidikan berteraskan nilai Islam, sokongan psikososial, pengukuhan akhlak, serta latihan kepimpinan kekeluargaan yang holistik.

“Qawwamah bukan dominasi, tetapi amanah. Ia meletakkan lelaki sebagai pemimpin yang adil, penyayang dan berintegriti, serta menjadi pelindung dalam erti sebenar kepada isteri, anak-anak dan anggota keluarganya,” katanya.

Tambah beliau, dasar tersebut merupakan sebahagian daripada strategi besar kerajaan negeri da-



lam memperkuuh struktur sosial masyarakat Kelantan melalui pembinaan keluarga harmoni yang berpaksikan iman dan tanggungjawab.

Dato' Mohd Nassuruddin turut merakam ucapan penghargaan kepada seluruh bapa atas pengorbanan dan kasih sayang yang tiada bertepi dalam mendidik serta mem-

bimbing anak-anak ke arah kehidupan yang lebih baik.

“Semoga segala pengorbanan dan kasih sayang para bapa diberkati dan dibalas dengan ganjaran berpanjangan di dunia dan akhirat. Kasih ibu membawa ke syurga, kasih ayah kekal sepanjang masa,” katanya, ketika dihubungi, hari ini.

KELANTAN SASAR TUBUH KOMUNITI PETANI NANAS BERSKALA BESAR – EXCO PERTANIAN



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 16 Jun – Kerajaan Negeri Kelantan menyatakan penubuhan sebuah komuniti petani nanas berskala besar sebagai langkah strategik memperkuuh sektor pertanian negeri dan menjana pendapatan mapan untuk rakyat luar bandar.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, inisiatif itu dilihat berpotensi besar untuk dimajukan secara

berkelompok dan mampu menjadi model kejayaan agrokomuniti luar bandar di peringkat nasional.

Bagi merealisasikannya, Dato' Tuan Mohd Saripudin bersama pihak berkaitan industry telah mengadakan lawatan kerja ke tapak projek tanaman nanas yang diusahakan oleh Kumpulan Syarikat Aqina bersama para pesertanya sebagai langkah awal meneliti pendekatan terbaik ke arah pembentukan komuniti tersebut.

“Lawatan ini membuka peluang kepada Kelantan untuk menjadikan

tanaman nanas sebagai satu industri pertanian berdaya saing, yang bukan sahaja meningkatkan pendapatan rakyat luar bandar, bahkan berperanan sebagai satu bentuk ibadah dan sumbangan kepada ekonomi negeri,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial pada Ahad.

Lawatan berkenaan diketuai sendiri oleh YB Dato' Tuan Mohd Saripudin dan disertai oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Gaal YB Mohd Rodzi Jaafar, Pengurus Besar Darulnaim Agro Management

Industries Sdn. Bhd. (DAMAI) Nasrul Hakimi Mohd Nasir, Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pahang Jusrin Yusop, serta Pengarah Urusan Aqina Fruits Wesley Tan.

Seramai 50 peserta terdiri daripada petani dan penghulu sekitar kawasan DUN Gaal turut menyertai lawatan tersebut bagi menimba ilmu dan pengalaman berkenaan teknik penanaman nanas secara sistematis dan komersial.

Tambah Dato' Tuan Mohd Saripudin, projek yang diusahakan oleh Aqina Farm merupakan sebahagian daripada program pembangunan komuniti B40, melibatkan penyertaan daripada tujuh buah Felda di negeri jiran.

“Projek ini turut mendapat sokongan padu daripada Agrobank, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Kerajaan Negeri Pahang, serta melibatkan kawasan penanaman seluas lebih 300 ekar,” ujarnya.

TAMAN PERINDUSTRIAN IBS SUNGAI BAGAN CAPAI KEMAJUAN 83.28 PERATUS



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 16 Jun – Pembangunan Taman Perindustrian Sistem Binaan Berindustri (IBS) di atas tanah kerajaan seluas 200 ekar (80.94 hektar) di Lot 1069 (1725), Sungai Bagan, Mukim Joh, Daerah Labok, Jajahan Machang menunjukkan kemajuan positif dengan pencapaian keseluruhan 83.28 peratus setakat 31 Mei 2025.

Projek yang bermula pada 3 Julai 2023 dan dijadual siap pada 20 September 2025 itu merupakan antara inisiatif strategik Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperkasa pembangunan ekonomi berdasarkan industri pembinaan moden berteknologi tinggi.

Sehubungan itu, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato'

Md Anizam Ab Rahman berkata pihaknya berpuas hati setelah menerima laporan kemajuan teknikal semasa.

“Kita memantau rapat pelaksanaan projek ini agar disiapkan mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan demi menjamin impak maksima kepada pembangunan ekonomi setempat.

“Komponen awal projek melibatkan kerja-kerja persiapan awal tapak (preliminaries) seperti pembinaan pejabat sementara, papan projek, pagar keselamatan (hoarding) dan lain-lain telah mencapai 99.83 peratus kemajuan, sekali gus menandakan fasa perancangan dan penyediaan awal hampir selesai sepenuhnya,” jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya lagi, aspek kawalan dan keselamatan trafik serta pengurusan alam sekitar melalui Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) masing-masing telah mencapai 100 peratus siap, menggambarkan pematuhan sepenuhnya terhadap keperluan keselamatan dan kelestarian alam sekitar sepanjang pelaksanaan projek.

“Fasa kerja tanah dan penyediaan tapak (site preparation and earthworks) telah merekodkan ke-

majuan 94.55 peratus, manakala kerja-kerja cerucuk (piling) telah siap sepenuhnya sejak Oktober 2023.


Bagi komponen kerja bangunan, kemajuan setakat ini mencatatkan 75.91 peratus, manakala kerja-kerja infrastruktur utama seperti jalan dalaman, saliran dan utiliti asas mencatatkan 69.59 peratus kemajuan.

Walau bagaimanapun, kerja-kerja mekanikal dan elektrikal (M&E) yang dimulakan pada Januari 2024 masih berada di tahap awal dengan hanya 13.59 peratus kemajuan setakat ini, namun dijangka dipertingkatkan dalam suku ketiga 2025 seiring perkembangan

kerja binaan struktur utama,” katanya.

Dato’ Md Anizam optimis Pembangunan Taman Perindustrian IBS itu juga berperanan sebagai pemangkin kepada kemajuan sosioekonomi luar bandar dan selari dengan hasrat negeri untuk memperkasa sektor industri hijau dan pembinaan mampan.

“Projek Taman Perindustrian IBS ini dijangka membuka ruang pelaburan baharu serta mewujudkan peluang pekerjaan di kawasan tengah Kelantan, khususnya dalam sektor teknologi pembinaan IBS yang semakin mendapat perhatian di peringkat nasional,” ujarnya.



LRA BUKIT CHUPAK SIAP AWAL TAHUN DEPAN

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 15 Jun – Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Chupak, Gua Musang dijangka mula beroperasi sepenuhnya pada Januari 2026, sekali gus menyelesaikan isu bekalan air bersih yang lama membelenggu penduduk sekitar Gua Musang.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Exco Kerjaya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato’ Dr. Izani Husin menerusi hantaran di media sosial miliknya pada Khamis.

Beliau memaklumkan hal demikian selepas melakukan lawatan ke tapak projek tersebut.

“Insya Allah, Januari 2026 bekalan air bersih yang mencukupi akan sampai di tangga rumah penduduk Gua Musang,” katanya.

Menurut beliau, projek pembi-



naan loji rawatan air yang bermula pada Februari 2024 kini telah mencapai 88 peratus kemajuan setakat Jun 2025.

Ia merupakan satu pencapaian yang dianggap sangat membanggakan.

“Dengan kos pelaksanaan sebanyak RM49 juta, loji tersebut akan beroperasi dengan kapasiti 10 juta liter sehari (JLH), sekali gus mencukupi untuk menampung keperl

uan air terawat penduduk Gua Musang serta menyokong pertumbuhan industri di kawasan sekitarnya,” ujarnya.

Menurut Dato’ Dr. Izani lagi, semasa lawatan tersebut beliau turut dimaklumkan mengenai gangguan bekalan air di kawasan Limau Kasturi.

Jelasnya, walaupun LRA Limau Kasturi mempunyai kapasiti yang mencukupi, operasi loji sering ter-

ganggu akibat gangguan bekalan elektrik yang berpunca daripada serangan haiwan liar.

“Saya ambil isu ini dengan serius dan akan membawanya ke perbincangan bersama TNB.

“Kita akan mencari penyelesaian jangka panjang, termasuk pelan sokongan bagi mengelakkan gangguan berulang,” jelasnya.

Dato’ Dr. Izani turut komited untuk memastikan setiap usaha yang dijalankan oleh Air Kelantan Official, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), para jurutera dan kontraktor akan memberi hasil yang benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.

“Kita mahu keresahan tentang isu air ini berakhir. Saya juga menyeru agar rakyat Kelantan sentiasa bijak menggunakan air dengan mengelakkan pembaziran, demi masa depan yang lebih lestari,” tambahnya.

THAILAND – MALAYSIA PERCEPAT PEMULIHAN LANDASAN KERETA API SUNGAI GOLOK – RANTAU PANJANG



Oleh: Norzana Razaly



KOTA BHARU, 14 Jun – Jabatan Pengangkutan Rel Thailand (DRT) memaklumkan bahawa satu lawatan rasmi telah diadakan ke Malaysia bagi membincang dan mempercepatkan pemulihan laluan kereta api Sungai Golok – Rantau Panjang.

Lawatan pada Isnin itu juga melibatkan pembangunan jaringan berkembar yang bakal menghubungkan kedua-dua negara.

Menurut kenyataan rasmi DRT, lawatan tersebut adalah susulan Mesyuarat Dua Hala Pengangkutan Thailand – Malaysia pada 2 Mei lalu di Bangkok yang dipengerusikan bersama oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pengangkutan Thailand Suriya Juangroongruangkit dan Menteri Pengangkutan Malaysia YB Anthony Loke Siew Fook.

Dalam mesyuarat itu, kedua-dua pihak bersetuju untuk mempercepatkan pelaksanaan pemulihan laluan penting yang menghubungkan kawasan sempadan kedua-dua negara.

Delegasi Thailand diketuai Timbalan Ketua Pengarah DRT Athipoo Jitranukroh bersama pegawai kanan DRT, wakil Pejabat Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan Thailand dan pegawai Perbadanan Kereta Api Negeri Thailand telah mengadakan lawatan tapak ke beberapa lokasi utama di Kelantan.

Antara stesen yang dilawati ialah Stesen Pasir Mas, Rantau Panjang dan Kota Bharu yang berkait dengan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Lawatan tersebut turut disertai delegasi Malaysia yang terdiri daripada pegawai kanan Kementerian Pengangkutan Malaysia, Ketua Pegawai Operasi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Mohd Zain Mat Taha, pihak Malaysia



Rail Link Sdn Bhd (MRL) serta agensi-agensi berkaitan.

Jabatan Pengangkutan Rel Thailand menjelaskan bahawa lawatan tersebut bertujuan untuk menilai kesiapsiagaan infrastruktur rel merentas sempadan melalui Jambatan Kereta Api Sungai Golok, yang suatu ketika dahulu menjadi laluan utama pengangkutan penumpang dan barang, namun telah tidak beroperasi lebih dua dekad.

Laluan sepanjang 18.7 kilometer dari Rantau Panjang ke Pasir Mas juga tidak beroperasi akibat kerosakan disebabkan banjir.

Kedua-dua negara bersetuju bahawa pemulihan laluan berkenaan amat penting untuk menghubungkan dengan jaringan ECRL yang menggunakan rel standard gauge 1.435 meter sepanjang 665 kilometer.

Projek ECRL sehingga Mei telah mencapai 83.38 peratus kemajuan dan dijangka mula beroperasi secara berfasa.

Fasa 1 dari Kota Bharu ke Gombak pada suku pertama 2027. Manakala Fasa 2 dari Gombak ke Pelabuhan Klang pada suku keempat tahun sama.

Selain itu, Kementerian Pengangkutan Malaysia turut memaklumkan bahawa kajian sedang dijalankan untuk melanjutkan projek ECRL dari Stesen Kota Bharu ke Rantau Panjang sejauh 30.5 kilometer bagi membolehkan sambun-

gan dengan jaringan rel sedia ada di Malaysia dan Thailand.

Delegasi turut melawat Stesen Sungai Golok di Thailand dan mendapati bahawa infrastruktur rel di pihak Thailand telah dinaik taraf bagi menyokong semula operasi laluan lintas sempadan.

Laluan kereta api dari Hatyai Junction ke Sungai Golok sepanjang 216 kilometer merupakan laluan tunggal menggunakan landasan keluli BS100 dan landasan konkrit jenis monoblock yang kukuh serta stabil.

Laluan itu kini berakhir di jambatan kereta api merentasi Sungai Golok yang menandakan sempadan Thailand – Malaysia.

Dalam masa yang sama, beberapa projek pembangunan rel berkembar sedang dilaksanakan oleh pihak Thailand melibatkan laluan berikut;

Pertama di Nakhon Pathom – Chumphon (420 km) yang siap dibina dan telah mula beroperasi.

Kedua di Chumphon – Surat Thani (167 km), Surat Thani – Hat Yai – Songkhla (321 km), serta Hat Yai – Padang Besar (45 km) yang dalam proses pertimbangan Cabinet Thailand untuk kelulusan.

Ketiga di Hat Yai – Sungai Golok yang dalam proses permonahan peruntukan untuk kajian kebolehlaksanaan (feasibility study) bagi tahun fiskal 2025.

DRT turut menyatakan bahawa

pemulihan laluan kereta api Sungai Golok – Rantau Panjang sejauh 1.3 kilometer serta pembangunan rangkaian rel berkembar sejauh 216 kilometer itu akan menjadi pemangkin penting kepada pembangunan ekonomi dan sosial di wilayah selatan Thailand.

Ia berpotensi merangsang perdagangan rentas sempadan, pelabuhan, pelancongan serta meningkatkan kualiti hidup rakyat di kawasan sempadan.

Mengulas perkara itu, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor menyatakan sokongan penuh terhadap pelaksanaan projek tersebut.

“Kerajaan Negeri Kelantan menyambut baik pelaksanaannya disegerakan. Kita sentiasa sedia menyokong cadangan ini untuk tujuan pelancongan dan pembangunan ekonomi Kelantan dan Selatan Thai,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau juga optimis Rantau Panjang bakal melalui transformasi ekonomi yang lebih dinamik.

“Pelaksanaan segera projek pembangunan rel kereta api Rantau Panjang - Sungai Golok melengkapkan usaha kerajaan negeri dan Persekutuan yang sedang berkerjasama untuk memperkasa

pembangunan bandar sempadan ini sebagai hab perdagangan dan pelancongan utama,” jelasnya.

KELANTAN PERUNTUK RM1 JUTA UNTUK BANTUAN BAJA PADI, ORGANIK

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 17 Jun – Kerajaan Negeri Kelantan memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi bantuan baja padi dan baja organik kepada para pesawah dan petani di seluruh Kelantan dalam usaha memperkasa sektor pertanian serta memperkuuh ekosistem pertanian hijau di negeri ini.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, bantuan tersebut disalurkan dalam bentuk baja foliar padi, baja organik dan baja organik cecair, yang boleh dipohon melalui penghulu, pusat khidmat DUN serta agensi berkaitan seperti Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBCSB), Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dan Jabatan Pertanian Kelantan.

"Melalui fasa pertama program



ini bagi tahun 2025, seramai 252 orang peserta menerima bantuan melibatkan 942 botol baja foliar, 148 beg baja organik serta 23 botol baja organik cecair," katanya menerusi satu hantaran di media sosial miliknya pada Isnin.

Terdahulu, Dato' Tuan Mohd Saripudin merasmikan Program Bantuan Baja Organik dan Baja Padi Peringkat Negeri Kelantan di Markas Dewan Ulama Machang (MADU) Machang pada Isnin.

Seramai 63 peserta Seminar



Cakna Organik Kelantan mendapat pendedahan mengenai amalan pertanian lestari, pensijilan MyGAP dan myOrganik, serta peranan penting Kelantan Organic Research Centre (KORC) dalam memperkuuh ekosistem pertanian hijau di Kelantan.

Dalam masa sama, Dato' Tuan Mohd Saripudin turut menyempurnakan perasmian Pusat Penyelidikan Organik Kelantan atau Kelantan International Orgsnic Research Centre (KORC) kendalian KBCSB yang merupakan anak syarikat Per-

badanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) di Labok Machang.

"KORC berperanan membangunkan industri bioteknologi, pertanian organik, serta penghasilan produk berasaskan mikrob melalui pendekatan penyelidikan dan inovasi.

"Semoga KORC menjadi pemangkin kepada ekosistem pertanian hijau dan lestari, selaras dengan gagasan 'Bertani Satu Ibadah'," ujar beliau lagi.

Turut hadir, Ahli-Ahli Dewan Negeri Kelantan (ADN).

PASAR BESAR SITI KHADIJAH BERWAJAH BAHRU, 8/10 PROJEK NAIK TARAF RM5.5 JUTA SIAP SEPENUHNYA



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 17 Jun – Usaha menaik taraf dan membaik pulih secara menyeluruh mercu tanda warisan niaga wanita Kelantan Pasar Besar Siti Khadijah, kini hampir mencapai penyempurnaan sepenuhnya dengan kos keseluruhan RM5.5 juta.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmie Abdulla berkata, lapan daripada sepuluh komponen utama kerja fizikal telah siap sepenuhnya, manakala dua lagi sedang giat diselesaikan.

Katanya, projek yang bermula pada Oktober 2024 itu dijalankan secara berfasa bagi memastikan gangguan kepada peniaga dan pengunjung diminimumkan serta

standard keselamatan dipatuhi.

"Pasar ini bukan sekadar tempat jual beli, tetapi simbol jati diri dan daya tahan ekonomi mikro rakyat Kelantan. Transformasi ini penting bagi mengekalkan relevansi Pasar Besar Siti Khadijah dalam landskap perdagangan moden sambil terus mengangkat ciri tradisi dan budaya tempatan," jelas YB Hilmie.

Lapan komponen siap sepenuhnya ialah naik taraf Tandas Sejahtera dan kerja-kerja berkaitan yang berjumlah RM250,000. Begitu juga naik taraf bumbung dan kerja mengecat luar dan dalam tandas bernilai RM90,000 dan naik taraf sistem bekalan air utama pasar memakan belanja RM200,000.

Seterusnya, pembakaian longkang sekeliling pasar bernilai RM200,000 dan baik pulih sistem pelongsor sampah (chute system) pula berjumlah RM100,000 serta pembaharuan bumbung Pasar Kuih melibatkan kos RM200,000. Termasuklah, kerja mengecat semula keseluruhan bangunan menelan dana RM750,000.

Tambah YB Hilmie, kerja-kerja baik pulih 'Scupper Drain', jubin lantai dan tangga bernilai

RM500,000 pun sudah siap.

Manakala penyenggaraan elektrik bagi empat zon pasar pula melibatkan kos RM2,000,000. Kemajuan terkini mencapai 40 peratus dalam memastikan pencahayaan lebih efisien, litar sokongan dan kecekapan tenaga untuk suasana niaga lebih cerah, selamat dan moden.

Terakhir ialah naik taraf sistem pencegahan kebakaran berjumlah RM500,000 yang melibatkan pemasangan pengesan asap, pemadam automatik dan laluan kecemasan terkini bagi mematuhi piawaian keselamatan nasional dengan peratus kemajuan semasa sebanyak 5 peratus.

YB Hilmie turut menekankan

keperluan pemantauan berkala oleh pihak berkuasa tempatan agar penyelenggaraan infrastruktur dapat dijaga dengan baik bagi jangka masa panjang.

"Alhamdulillah, kita berterima kasih kepada KPPT dan pelaksana Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan. Atas semangat federalisme semua kerja ini telah disiapkan 100 peratus mengikut jadual dan piawaian yang ditetapkan.

"Kita yakin projek ini dapat memberikan nafas baharu dari segi kebersihan, keselesaan dan estetika kepada premis tumpuan penduduk tempatan dan pelancong," jelasnya ketika dihubungi, hari ini.



TIADA PERLOMBONGAN EMAS HARAM BERSKALA BESAR DI HUTAN KELANTAN



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 18 Jun- Tidak wujud aktiviti perlombongan emas secara haram yang berskala besar di hutan Kelantan.

Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan menegaskan kenyataan tersebut selepas Mesyuarat Exco di Mabna, hari ini.

Menurutnya, laporan tentang perlombongan secara haram adalah secara kecil-kecilan yang dilakukan oleh rakyat secara mendulang.

“Saya telah merujuk kepada Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan dan mendapati perlombongan haram yang dimaksudkan adalah secara kecil-kecilan yang dilakukan oleh penduduk dengan cara mendulang.

“Bilangannya dari tahun 2020 hingga 2025 hanya empat kes sahaja.

“Kita telah panggil mereka yang terlibat dan diberi nasihat berhubung dengan prosedur dan langkah-langkah keselamatan,” jelasnya.

Beliau turut memohon kepada

sesiapa yang mempunyai maklumat tentang perlombongan haram berskala besar supaya segera melaporkan kepada pihak kerajaan.

“Setakat ini tidak ada perlombongan haram berskala besar, yang ada hanya perlombongan yang tidak mematuhi peraturan terhadap

syarat-syarat perlombongan.

“Jika ada maklumat berlaku aktiviti perlombongan emas secara haram yang berskala besar segera laporkan kepada kerajaan berserta dengan bukti.

“Pihak kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya,” ujarnya.



LED PLATFORM GILAP BAKAT ANAK MUDA, BUKTI KELANTAN CAKNA SUKAN BOLA SEPAK

Oleh: Asri Hamat

MACHANG, 18 Jun- Bola sepak merupakan sukan paling berpengaruh di dunia. Justeru itu, inisiatif penganjuran Liga Elit Dun (LED) merupakan platform penting untuk menggilap bakat anak muda dalam Sukan bola sepak.

Timbalan Menteri Besar YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata, penganjuran LED setiap tahun juga membuktikan kecaknaan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap sukan bola sepak yang menjadi sukan nombor satu dalam kalangan anak-anak muda di Kelantan serta memberi perhatian dalam pengembangan bakat generasi muda dalam bidang kesukanan.

“Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap pembangunan generasi muda yang mencakupi aspek pembentukan insaniah dan pengembangan bakat dalam bidang kesukanan melalui pembangunan Madinatul Riyadah iaitu sebuah bandar sukan yang moden dan lengkap untuk anak-anak muda Kelantan.”

Beliau berkata demikian ketika berucap mewakili Menteri Besar merasmikan Pelancaran Kejohanan Liga, Elit Dun 2025, di Dataran Kemahkotaan Machang pada Selasa.



Katanya lagi, penganjuran LED bukan semata-mata untuk memjudkan satu kejohanan yang menyasarkan pertandingan, tetapi juga sebagai pentas untuk memperkasaan belia Negeri Kelantan.

“Sukan khususnya bola sepak, bukan hanya hiburan atau aktiviti fizikal yang menyasarkan pertandingan semata-mata, tetapi menjadi medan untuk mendidik jiwa dan menyuburkan nilai-nilai Islam dalam kalangan anak-anak muda Kelantan.

“Ia juga menjadi platform untuk memperkuatkan nilai-nilai akhlak, ukhuwah, disiplin dan rasa tanggungjawab.

“Justeru itu, penganjuran LED harus diteruskan dan diperkuatkan setiap tahun untuk mencari

jaguh, sekali gus melahirkan pemimpin masyarakat yang matang dan bertanggungjawab,” ujarnya lagi.

Sementara itu, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad dalam ucapan alu-aluannya memberi pesanan kepada semua pasukan supaya bertanding dengan penuh integeriti.

“Jadikanlah LED sebagai medan pembinaan diri, bukan semata-mata memburu kejuaraan. Kepada jurulatih dan pengurus pasukan, asuhlah pemain dengan bimbingan yang berhemah. Kepada penyokong, tunjukkanlah contoh yang baik bagi membantu mewujudkan suasana pertandingan yang selamat, meriah dan bersih daripada sebarang anasir yang negatif, “katanya.

Untuk rekod, sebanyak 534 pasukan dari seluruh Dewan Negeri Kelantan (DUN) telah menyertai LED pada tahun 2024. Untuk tahun 2025, dijangka setiap DUN akan mempunyai antara lapan hingga 16 pasukan yang melibatkan 15,400 pemain dan pegawai pasukan keseluruhan.

Turut hadir dalam majlis pelancaran tersebut ialah Speaker DUN Kelantan YB Sri Amar D'Raja, Dato' Dr Mohd Amar Abdullah, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Rakyat (ADR), Ahli-Ahli Dewan Negeri (ADN), Yang Dipertua Majlis Daerah Machang Zamri Ibrahim, Timbalan Pengarah Urus Setia Belia dan Sukan (U-BeS) Firdaus Nawi.



TIADA PERLOMBONGAN EMAS HARAM
BERSKALA BESAR DI HUTAN KELANTAN

Buletin دارالنعيم MINGGUAN

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | ZULHIJjah 1446H | 15-19 JUN 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

KELANTAN SEDIA JADI TUAN RUMAH STL TAHUN 2026



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 15 Jun – Kerajaan Negeri Kelantan menyatakan kesediaan penuh untuk bekerjasama dan menyokong penganjuran Sepak Takraw League (STL) di Kota Bharu pada tahun hadapan, susulan cadangan yang dikemukakan oleh Gabungan Sepak Takraw Kelantan (GASTAK).

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, usaha membawa kejohanan STL ke Kelantan diyakini mampu menjadi pemangkin pembangunan

sukan tempatan dan memperkuuh sektor pelancongan negeri melalui penglibatan peminat serta pasukan dari seluruh negara dan rantau serantau.

“Kerajaan negeri amat terbuka dan menyambut baik saranan GASTAK untuk membawa STL ke Kota Bharu.

“Jika kejohanan itu berjaya dianjurkan di sini, pastinya para penyokong dan peminat dapat menyaksikan aksi bertaraf tinggi secara langsung di Kelantan,” katanya ketika merasmikan Majlis Makan Malam Kelantan Warriors di sebuah hotel di sini, pada Sabtu.

Menurutnya, penganjuran kejohanan besar seperti STL selari dengan usaha menjadikan Kelantan sebagai hab sukan warisan serantau serta destinasi pelancongan sukan yang mampan.

“Sepak takraw hari ini popular setanding bola sepak. Ia bukan sahaja sukan kebanggaan, bahkan berpotensi besar menarik pelancong, menjana ekonomi setempat dan menyatukan masyarakat,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada GASTAK, penaja dan rakan strategik yang terus komited membangunkan sepak

takraw negeri Kelantan.

“Kita harap dengan kaedah latihan yang betul dan berterusan, Kelantan mampu menjadi juara dan terus menyuntik semangat kemenangan dalam kalangan pemain muda,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Datuk Kamarudin memaklumkan bahawa sempena Tahun Melawat Kelantan 2024, kejohanan Kelantan Open telah berjaya dianjurkan dengan penyertaan pasukan dari seluruh negara termasuk beberapa regu luar negara.

Beliau menyifatkan kejohanan tersebut sebagai bukti keupayaan Kelantan menganjurkan acara bertaraf tinggi dan menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi setempat.

“Tahniah kepada GASTAK yang kekal aktif menganjurkan kejohanan domestik dan antarabangsa. Ia bukan sahaja melonjak prestasi sukan negeri tetapi turut menggerakkan ekonomi dan sektor pelancongan secara serentak,” ujarnya.

GANDINGAN PICET-SUKIRIT PERKUKUH KELANTAN WARRIOR

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 14 Jun 2025 – Kelantan Warriors mempertaruh gandingan dua generasi pemain Thailand Picet Pansan dan Sukirit Wachaburanaphong sebagai strategi utama mengukuhkan cabaran dalam saingan Liga Sepak Takraw (STL) Premier musim ini.

Bekas perejam kebangsaan Thailand Picet Pansan, yang sarat pengalaman di pentas antarabangsa, diangkat sebagai tonggak utama pasukan. Sementara itu, Sukirit Wachaburanaphong, pemain muda yang dikenal pasti memiliki potensi besar, dibawa masuk untuk memperkuuh posisi tekong.

Menurut Timbalan Presiden Gabungan Sepak Takraw Kelantan (GASTAK) Mohamad Mohyddin Mohamed Nor, kombinasi tenaga senior dan muda dari Thailand itu diyakini mampu melonjakkan

prestasi Kelantan Warriors ke tahap lebih kompetitif.

“Kehadiran Picet memberikan kekuatan dari segi ketenangan, disiplin serta kemahiran taktikal. Sukirit pula mempunyai servis bertenaga dan semangat tinggi yang bakal menyuntik elemen dinamik kepada pasukan,” katanya pada sesi sidang media selepas Majlis Makan Malam Kelantan Warriors di sebuah hotel, di sini, pada Sabtu.

Beliau turut menyatakan bahawa pemilihan kedua-dua pemain berkenaan adalah hasil perancangan rapi GASTAK bagi memastikan Kelantan Warriors tampil lebih bersedia musim ini, dengan harapan mencabar kelompok teratas liga.

“Kita sasarkan bukan hanya prestasi mingguan, tetapi konsistensi sepanjang musim. Gandingan



ini adalah pelaburan jangka sederhana dan panjang untuk mencipta pasukan yang mampu bersaing dan menang,” jelasnya.

Pasukan Kelantan Warriors juga ditaris mantan tekong Penang Black Panthers Ikhwan

Syafiq Mohd. Fitri selaku tonggak yang memperkuuh pasukan selain Muhammad Adli Abu Bakar (apit kiri), Muhammad Zulfikri Wajawa (apit kiri), Muhammad Izham Zaidi (perejam) dan Muhammad Imran Omar (tekong).